

# ‘Saya tak mohon imuniti, hanya rujuk soal perundangan ke mahkamah’

Anwar mahu tahu bolehkah sesiapa sahaja buat serangan kepada PM hingga ganggu tugas

Oleh Farah Marshita Abdul Patah

farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau tidak memohon kekebalan daripada saman sivil, sebaliknya, hanya merujuk persoalan berkaitan undang-undang ke Mahkamah Persekutuan bagi diputuskan.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya memohon keputusan mahkamah berhubung persoalan apakah tuntutan yang tidak mempunyai asas munasabah (*frivolous*), tindakan menindas pihak lawan tanpa niat sebenar untuk mendapatkan keadilan (*vexatious*) dan penyalahgunaan proses mahkamah diterima dalam semua kes, termasuk kes sivil.

“Yang dimohon ialah bertanya keputusan mahkamah, apakah mungkin, sesiapa saja boleh buat serangan kepada Perdana Menteri, secara *frivolous* dan *vexatious* yang mengganggu perjalanan kerja kita?”

“Terserah kepada mahkamah. Mahkamah yang membuat keputusan, bukan Perdana Menteri. Keputusan itu keputusan mahkamah,” katanya ketika sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) berhubung dakwaan pembangkang kononnya beliau memohon imuniti daripada kes mahkamah.

Jun lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan Anwar bagi merujuk lapan persoalan undang-undang kepada Mahkamah Persekutuan, antaranya sama ada Perdana Menteri mempunyai imuniti daripada tindakan saman.

Beliau memohon Mahkamah Persekutuan menjawab perso-



Anwar ketika sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

lan, termasuk sama ada mengikut Perkara 39, 40 dan 43 Perlembagaan Persekutuan, seorang Perdana Menteri yang sedang memegang jawatan menikmati kekebalan terhadap daripada tindakan saman berhubung dakwaan kejadian sebelum pelantikan beliau.

## Rekod Kerajaan MADANI

Menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu), Anwar berkata, setakat Ogos 2025, sebanyak 23 akta dan rang undang-undang baharu serta dipinda termasuk dua pindaan Perlembagaan yang menyentuh isu warganegara dan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 (PSA).

“Tahun 2023, lima akta baharu dan 34 akta yang dipinda. Tahun 2024, lima akta baru dan 57 akta yang dipinda.

“Jadi kalau kita lihat perkembangan ini, walaupun masih banyak dalam tindakan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan kementerian.

“Saya ingin tegaskan bahawa ini adalah rekod pentadbiran Kerajaan MADANI dalam tempoh dua setengah tahun yang belum dapat ditandingi oleh kerajaan sebelum ini,” katanya.

Beliau berkata, cadangan pemisahan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada hujung bulan ini.

Beliau berkata, langkah itu adalah sebahagian daripada pelaksanaan agenda reformasi undang-undang yang dilakukan Kerajaan MADANI hanya dalam tempoh dua tahun setengah ini.

“Pemisahan ini memang dituntut sejak agak lama dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) akan membentangkannya kepada Jemaah Menteri pada akhir bulan ini, jadi kemajuan itu menggalakkan,” katanya.

Anwar berkata, sejak 1957, tiada pindaan dan pembaharuan yang dilakukan seperti dalam tempoh dua tahun setengah Kerajaan MADANI.

Kepada soalan tambahan wakil sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan bersedia mengkaji menambah baik pindaan Perlembagaan berkaitan antilompat parti jika pembangkang menganggap ia tidak memenuhi kehendak.

Katanya, pembangkang tidak boleh menyalahkan kerajaan yang hanya mengguna pakai tuntutan wakil mereka.